
Title	Tentang: Akronim dan singkatan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1992 Muhammad Ariff bin Ahmad

Haji Muhammad Ariff Ahmad
Sari Bahasa
SBC Warna 94.2 92035
Jun 04 1992
tentang: akronim dan singkatan

Akronim dan singkatan ialah tulisan-tulisan ringkas sebagai kependekan daripada sesuatu frasa. Pembentukan akronim dan singkatan itu dibuat dengan mengambil huruf-huruf tertentu daripada kekata yang terkandung dalam frasa-frasa yang tertentu.

Frasa nama Angkatan Sasterawan 50, misalnya, dipendekkan sebutan dan tulisannya menjadi Asas 50, dengan mengambil huruf-huruf Angkatan Sasterawan 50. Nama *asas 50* itu dibaca *a-sas-lima puluh*. Frasa nama Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura pula dipendekkan tulisannya menjadi KGMS tetapi disebut dengan *Ke-Ji-Em-Es*, bukan dengan *kegemas* atau sebagainya.

Perbezaan sebutan kependekan itu adalah ciri yang membezakan antara akronim dengan singkatan. *Akronim* dibaca sebagai menyebut suatu kekata. Kadang-kadang sebutan itu menyerupai kekata lain yang mempunyai maknanya yang tersendiri, misalnya kata *asas* (kependekan dari kata Angkatan Sasterawan) itu menyamai kata *asas* yang bermakna 'dasar'; demikian *MARA* (kependekan dari kata Majlis Amanah Rakyat) itu menyamai kata *mara* yang bermakna 'maju'.

Berbeza halnya dengan kependekan singkatan. *Singkatan* biasanya terbentuk daripada huruf awal bagi kekata yang terkandung dalam sesuatu frasa. *KGMS*, misalnya, terambil dari huruf awal Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura; *PGBM* terambil dari huruf awal Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu, dan banyak yang lain-lain lagi.

Pola pemendekan bagi kata-kata *singkatan* ini, nampaknya sekata, iaitu dengan menyebut huruf pemuka bagi kata-kata yang terkandung dalam frasa itu. Dalam pada itu kadang-kadang ada pula sebutan lain yang diucapkan sebagai suatu 'gelar' kepada nama-nama itu.

Singkatan bagi nama Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu Singapura, misalnya, apabila ditulis ia ditulis dengan *PPPPM* tetapi apabila disebut ia disebut dengan sebutan *empat-pi-em*. Demikian dengan Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura yang disebut *em-pi* sahaja.

sekian dahulu.